



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Johor

PERATURAN PEMARKAHAN PERCUBAAN SEJARAH SPM

SET 2

SEJARAH

1249/2

Kertas 2

2 ½ jam

Dua jam tiga puluh minit

■

PERATURAN PEMARKAHAN (SKEMA)

PERATURAN PEMARKAHAN YANG DISEDIAKAN INI HANYA SEBAGAI PANDUAN KEPADA GURU SAHAJA. GURU BOLEH MERUJUK PADA BUKU TEKS DAN BAGI JAWAPAN SOALAN KBAT, GURU BOLEH MERUJUK PADA BAHAN RUJUKAN LAIN YANG BERSESUAIAN DAN BERTEPATAN. GURU PERLU MEMBIMBING MURID CARA MENJAWAB YANG BETUL UNTUK MENDAPATKAN MARKAH YANG MAKSIMUM.

DIHASILKAN OLEH : PANEL PERUNDING MATA PELAJARAN SEJARAH DAERAH KULAI

BAHAGIAN A**(40 MARKAH)**

Soalan	Butiran		Markah
1	Kesultanan Melayu Melaka mempunyai dua undang-undang berasaskan syariah dan hukum adat iaitu Undang-Undang Laut Melaka dan Hukum Kanun Melaka.		
(a)	Nyatakan tiga kandungan dalam Undang-Undang Laut Melaka.		
	F1	Peranan Nakhoda	1
	H1a	Nakhoda berkuasa penuh dan diibaratkan sebagai raja dalam pelayaran.	1
	H1b	Semua pihak harus mematuhi arahan dan perintah nakhoda.	1
	H1c	Dalam Fasal 13.1 nakhoda perlu diberikan keutamaan untuk berniaga selama empat hari.	1
	H1d	Dalam Fasal 13.3 sekiranya nakhoda hendak singgah di tempat yang tidak ada dalam senarai persinggahan, nakhoda perlu bermesyuarat dengan semua orang di dalam kapal untuk mendapatkan persetujuan.	1
	F2	Pelayaran	1
	H2a	Dalam undang-undang ini, dijelaskan peranan beberapa pegawai selain nakhoda, antaranya termasuklah jurumudi/ malim/ jurubatu.	1
	H2b	Pelaksanaan peranan masing-masing akan menjadikan pelayaran selamat dan lancar	1
	C2	Contohnya, dalam Fasal 9, seorang malim harus arif tentang ilmu pelayaran	1
	H2c	Malim perlu mengetahui keadaan ombak/ arus/ kedudukan bulan dan bintang/ pelayaran berada dalam keadaan selamat.	1
	H2d	Dalam fasal yang sama, jika malim lalai dalam menjalankan tugas sehingga menyebabkan pelanggaran / kerosakan	1
	H2e	dia akan dijatuhi hukuman bunuh.	1
	F3	Jenayah	1
	H3a	Perbuatan jenayah di atas kapal akan menggugat ketenteraman / keselamatan isi kapal.	1
	H3b	Undang-undang ini menjelaskan hukuman terhadap perbuatan jenayah yang berlaku meliputi perbuatan mencuri/ membunuh / memberontak	1
	C3	Contohnya, dalam Fasal 5, seseorang yang berkelakuan jahat / membunuh orang di atas kapal, maka orang tersebut akan dikenakan hukuman mati.	1
	F4	Percukaian	1

	H4a	Percukaian yang sistematik dan adil dinyatakan dalam undang-undang ini.	1
	H4b	Pelbagai cukai dikenakan dalam urusan pelayaran untuk perdagangan.	1
	C4	Contohnya, cukai perjalanan / hasil perniagaan	1
	H4c	Dalam Fasal 6.3, nakhoda menentukan jumlah cukai yang dikenakan terhadap penumpang.	1
	H4d	iaitu satu persepuluh daripada hasil penumpang sekiranya penumpang ingin turun sebelum sampai janjinya sama ada tiga tahun, tiga bulan atau tiga hari.	1
		[Mana-mana 3x1m]	[3m]
(b)	Jelaskan aspek jenayah yang terkandung dalam Hukum Kanun Melaka.		
	F1	Perbuatan jenayah menggugat ketenteraman / keharmonian Kesultanan Melayu Melaka.	1
	F2	Pelbagai hukuman setimpal dikenakan terhadap perbuatan jenayah	1
	F3	Contoh kesalahan jenayah membunuh/ menikam/ mencuri.	1
	F4	Antara kesalahan yang boleh dikenakan hukuman bunuh termasuklah seperti dalam Fasal 5.1, apabila seseorang didapati membunuh orang lain tanpa pengetahuan raja atau pembesar, maka dia akan dihukum bunuh.	1
	F5	Dalam Fasal 4, hukuman bunuh dikenakan kepada sesiapa yang ingkar arahan/ memalsukan titah sultan.	1
		[Mana-mana 3x1m]	[3m]
(c)	Pada pandangan anda, mengapakah penguatkuasaan undang-undang penting dalam sesebuah negara?		
	F1	Menjamin keselamatan rakyat	1
	F2	Menjaga kestabilan politik	1
	F3	Mewujudkan keharmonian kaum	1
	F4	Menghalang ancaman musuh luar	1
	F5	Menjaga ketenteraman masyarakat	1
	F6	Menghalang kegiatan jenayah	1
	F7	Menegakkan keadilan	1
	F8	Menjatuhkan hukuman terhadap pesalah	1
	F9	Menjamin pentadbiran yang sistematik	1
		(Mana-mana jawapan munasabah)	1
		[Mana-mana 4x1m]	[4m]

Soalan	Butiran		Markah
2			
(a)	Apakah faktor penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948.		
	F1	Penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union	1
	H1a	bantahan daripada Orang Melayu/ Raja-raja Melayu/ cendekiawan Melayu/ UMNO	1
	H1b	Malayan Union memberikan kesan buruk kepada Raja-raja Melayu/ orang Melayu	1
	H1c	Ahli Parlimen British/ Gammans dan Rees Williams	1
	H1d	Menyaksikan bantahan orang Melayu terhadap Malayan Union	1
	H1e	Melaporkan hasil tinjauan kepada dewan Parlimen British	1
	H1g	Gammans menyatakan pelaksanaan rancangan Malayan Union akan menimbulkan keadaan huru-hara di Tanah Melayu	1
	H1h	Persediaan untuk menggubal Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu	1
	H1i	Rundingan Raja-raja Melayu/ UMNO/ British	1
	F2	Cadangan Raja-raja Melayu dan UMNO	1
	H2a	Malcolm MacDonald/ Gabenor Janeral/ Sir Edward Gent mengadakan pertemuan dan rundingan dengan British	1
	H2b	untuk mengatasi konflik masyarakat Melayu dengan kerajaan British	1
	H2c	Penubuhan persekutuan bertaraf naungan dan bukannya tanah jajahan.	1
	H2d	Perjanjian baharu untuk menggantikan Malayan Union.	1
	H2e	Jawatan Pesuruhjaya Tinggi menggantikan Gabenor	1
	H2f	Raja berkuasa dalam perundangan.	1
	H2g	Perkataan "Negeri-negeri Melayu" perlu muncul dalam persekutuan yang baharu.	1
	H2h	Sultan Perak mendesak British menerima usul pembentukan persekutuan	1
	F3	Sokongan pentadbir British	1
	H3a	menyokong konsep persekutuan kerana dapat mewujudkan keamanan/ kestabilan/ kemajuan ekonomi	1
	C3a	Pegawai tinggi British/Sir Edward Gent/ Malcolm MacDonald/ Sir Ralph Hone/ Gammans/ A.T. Newbould/ Roland Braddell/ W. Linehan/ Theodore Adams	1
	H3b	Sir Ralph Hone mencadangkan agar British melibatkan Raja-raja Melayu dalam pentadbiran berasaskan perlembagaan	1
	C3b	Misalnya, memberikan kuasa tertentu kepada sultan dalam Majlis Negeri dan Majlis Perundangan.	1
	H3c	Sir Edward Gent bertemu dengan wakil UMNO di Pulau Pinang	1

	H3d	British memberikan peluang kepada Dato' Onn Jaafar/ Raja-raja Melayu mengemukakan cadangan balas.	1
	H3e	Pembentukan Persekutuan mewujudkan politik yang stabil.	1
	H3f	Keadaan ini akan mendorong pelabur luar untuk melabur di negara ini.	1
	H3g	British perlu melaksanakan dasar dekolonisasi yang disarankan oleh PBB melalui Piagam Atlantik	1
		[Mana-mana 3x1m]	[3m]
(b)		Jelaskan ciri-ciri Persekutuan Tanah Melayu 1948.	
	F1	Pentadbiran	1
	H1a	Persekutuan dibentuk menerusi gabungan sembilan buah negeri Melayu/ dua buah Negeri-negeri Selat	1
	H1b	Singapura kekal sebagai tanah jajahan British yang berasingan	1
	H1c	Kerajaan Persekutuan diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi British yang mempunyai kuasa eksekutif	1
	H1d	Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab dalam hal kewangan/ hal lain mempunyai kepentingan bersama	1
	H1e	Majlis Mesyuarat Persekutuan dan Majlis Perundangan Persekutuan ditubuhkan bagi membantu Pesuruhjaya Tinggi British	1
	H1f	Majlis Mesyuarat Persekutuan mengandungi ahli rasmi dan ahli tidak rasmi	1
	H1g	Ahli Majlis tidak Rasmi pada peringkat permulaan dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British	1
	H1h	Ahli Majlis Perundangan Persekutuan terdiri daripada pelbagai kaum	1
	F2	Kuasa Raja-Raja Melayu	1
	H2a	Majlis Raja-Raja dibentuk	1
	H2b	Membolehkan Raja-raja Melayu memberikan pandangan dalam perkara yang tertentu	1
	H2c	Sultan bertanggungjawab mengesahkan rang undang-undang yang diluluskan dalam Dewan Perundangan Negeri	1
	F3	Perundangan	1
	H3a	Majlis Perundangan Persekutuan diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi	1
	H3b	Bidang kuasa mencakupi hal ehwal luar/ ketenteraman awam/ kehakiman/ perdagangan/ komunikasi / percukaian	1
	H3c	Rang undang-undang perlu mendapat perkenan Raja-Raja Melayu melalui Majlis Raja-raja	1
	F4	Kewarganegaraan	1
	H4a	Kewarganegaraan secara kuat kuasa undang-undang	1
	H4b	Jus soli hanya terbuka kepada rakyat Raja dan rakyat British	1

	H4c	Pemohon yang lahir di luar negeri ayahnya mestilah rakyat Raja dan rakyat British	1
	H4d	Penduduk asal dari negeri Melayu yang lahir sebelum, semasa dan selepas tarikh Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu	1
	H4e	Rakyat Raja dan mereka yang telah serasi/ memahami adat resam/ bertutur bahasa setempat (naturalised)	1
	H4f	boleh memohon melalui mana-mana undang-undang yang dikuatkuasakan	
	H4g	Kewarganegaraan secara pendaftaran	
	H4h	Mereka yang dilahirkan dalam Persekutuan Tanah Melayu dan bermastautin selama 15 tahun daripada 20 tahun dari hari permohonannya	1
	H4i	Seseorang itu juga perlu mempunyai tingkah laku yang baik/ tiada rekod jenayah/ menguasai bahasa Melayu/ bahasa Inggeris/ bersetuju taat setia kepada Persekutuan Tanah Melayu	1
		[Mana-mana 3x1m]	[3m]
(c)		Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948 memberikan kesan kepada pengukuhan negara dan bangsa Malaysia sehingga kini. Berikan pandangan anda.	
	F1	Pembentukan sebuah negara yang berdaulat	1
	F2	Mengembalikan kedudukan Raja-raja Melayu	1
	F3	Mengasaskan pembahagian kuasa antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri	1
	F4	Mengembalikan kedudukan istimewa orang Melayu	1
	F5	Menjaga kepentingan sah kaum lain	1
	F6	Memberi ruang kepada orang bukan Melayu menjadi warganegara	1
	F7	Memulakan proses kerjasama antara kaum	1
	F8	mewujudkan persefahaman antara pemimpin pelbagai kaum	1
	F9	Mewujudkan perpaduan	1
	F10	Melicinkan pentadbiran	1
		(Mana-mana jawapan munasabah)	
		[Mana-mana 4x1m]	[4m]

Soalan	Butiran		Markah
3	Kebebasan asasi merupakan hak yang dimiliki oleh seseorang individu di sisi undang-undang		
(a)	Senaraikan dua kebebasan asasi berdasarkan Perlembagaan Persekutuan		
	F1	Kebebasan diri	1
	H1a	Tiada seorang pun boleh diambil nyawanya/ dilucutkan kebebasan seseorang kecuali mengikut undang-undang	1
	F2	Kebebasan beragama	1
	H2a	Islam sebagai agama Persekutuan	1
	H2b	Penganut agama lain boleh mengamalkan agama masing-masing	1
	F3	Hak berkenaan dengan pendidikan	1
	H3a	Tidak boleh ada diskriminasi/ warganegara/ agama/ ras/ keturunan/ tempat lahir	1
	F4	Kebebasan bersuara/berhimpun/berpersatuan	1
	H4a	Secara aman dan membentuk persatuan	1
		[Mana-mana 2x1m]	[2m]
(b)	Jelaskan bidang kuasa Parlimen sebagai badan perundangan tertinggi Malaysia.		
	F1	Terdiri daripada YDP Agong/ Dewan Rakyat/ Dewan Negara	1
	F2	Parlimen merupakan lambang demokrasi dan mencerminkan aspirasi rakyat melalui perwakilan yang dipilih	1
	F3	Menggubal undang-undang	1
	F4	Membuat pindaan undang-undang Persekutuan	1
	F5	Menyemak dasar kerajaan	1
	F6	Meluluskan perbelanjaan kerajaan	1
	F7	Meluluskan sistem cukai baharu	1
		[Mana-mana 4x1m]	[4m]
(c)	Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen membentuk pentadbiran yang sistematik dan unggul di negara kita. Berikan ulasan anda.		
	F1	Gabungan unsur tradisional dan moden / saling lengkap melengkapi	1
	F2	Kombinasi/ pendekatan terbaik dalam sosiopolitik/ masyarakat berbilang kaum	1
	F3	Mewujudkan mekanisme semak dan imbang	1
	F4	Raja berkecuali dalam hal ehwal politik	1
	F5	Kuasa budi bicara raja mampu meredakan krisis dalam demokrasi	1
	F6	seperti perbalahan parti politik/ konflik perkauman dalam masyarakat	1

	F7	Rakyat terlibat dalam pembentukan kerajaan	1
	F8	memilih wakil rakyat melalui pilihan raya / perwakilan parlimen	1
	F9	Demokrasi permuafakatan/ kerjasama politik	1
	F10	berkongsi kuasa dalam pemerintahan	1
	F11	seperti Barisan Nasional/ Perikatan Nasional	1
	F12	Sejak merdeka hingga hari ini terbukti membawa kestabilan/ kemakmuran/perpaduan kaum	1
	F13	Acuan tersendiri pembinaan bangsa dan negara	1
		(Mana-mana jawapan munasabah)	1
		[Mana-mana 4x1m]	[4m]

Soalan	Butiran		Markah
4	Peristiwa rusuhan antara kaum berlaku pada 13 Mei 1969		
(a)	Apakah faktor yang menyebabkan tercetusnya rusuhan tersebut?		
	F1	Ketidakseimbangan dalam ekonomi dan sosial	1
	F2	Keadaan dan keputusan Pilihan Raya Umum Ketiga 1969	1
	F3	Ketegangan semasa kempen pilihanraya	1
	F4	Terdapat parti politik mengeksploitasi isu yang menyentuh sensitiviti sesuatu kaum	1
	F5	PKM mempengaruhi rakyat supaya bermusuhan antara kaum	1
	F6	Parti yang bertanding menggunakan sentimen perkauman dan keagamaan untuk mendapat sokongan	1
	F7	Perarakan kemenangan yang tidak terkawal	1
	F8	Menimbulkan kekacauan / perbuatan provokatif	1
		[Mana-mana 3x1m]	[3m]
(b)	Jelaskan perkara yang diputuskan dalam pengisytiharan perintah darurat untuk menghentikan rusuhan daripada merebak ke bandar-bandar lain.		
	F1	Perlembagaan digantung	1
	F2	Parlimen ditangguh	1
	F3	Mewujudkan pusat perlindungan	1
	F4	Pihak polis menguatkuasakan perintah berkurung	1
	F5	Orang ramai tidak dibenarkan keluar/ tinggal di kediaman	1
	F6	Penubuhan jawantankuasa bertugas untuk menyusun semula perkhidmatan penerangan kerajaan	1
	F7	Semua berita daripada media ditapis	1
	F8	Kerajaan memastikan bekalan makanan diperolehi	1
	F9	Mangsa rusuhan dipindahkan ke pusat perlindungan di Stadium Merdeka/ Tiong Nam Settlement	1
	F10	Semangat saling membantu dapat dilihat	1
	F11	Memagar Kampung Baru / menjadi kawasan perintah berkurung yang besar	1
	F12	Tentera memberi perlindungan di beberapa kem tentera	1
		[Mana-mana 3x1m]	[3m]
(c)	Tragedi 13 Mei yang telah mengorbankan nyawa dan memusnahkan harta benda telah memberikan banyak pengajaran kepada negara kita. Sumber : https://harakahdaily.net/index/peristiwa-13-mei-1969		

	Berikan cadangan anda untuk mengelakkan peristiwa tersebut supaya tidak berulang kembali pada masa kini.		
	F1	Mengekalkan perpaduan dalam kalangan masyarakat	1
	F2	Menguatkuasakan Akta Hasutan 1948	1
	F3	Tidak menyentuh isu sensitiviti kaum lain	1
	F4	Hidup bertoleransi antara kaum	1
	F5	Peranan media massa sosial / elektronik	1
	F6	Mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan negara	1
	F7	Mewujudkan pentadbiran yang licin	1
	F8	Memupuk semangat patriotik / cinta akan negara	1
	F9	Mengukuhkan kerukunan hidup bermasyarakat	1
		(Mana-mana jawapan munasabah)	
		[Mana-mana 4x1m]	[4m]

BAHAGIAN B

(60 MARKAH)

Soalan	Butiran		Markah
5	Perang Dunia Kedua (1939 – 1945) berlaku di dua medan pertempuran iaitu di Eropah dan Asia Pasifik.		
(a)	Jelaskan faktor dasar peluasan kuasa Jepun di Asia Pasifik.		
	F1	Keperluan perindustrian	1
	H1a	Berusaha mengurangkan pergantungan bahan mentah terhadap negara barat	1
	H1b	Jepun memerlukan wilayah yang dapat membekalkan bahan mentah	1
	H1c	Menjadi kawasan pasaran bagi mengembangkan lagi perindustrian	1
	F2	Pengaruh golongan tentera	1
	H2a	Jepun mempunyai angkatan tentera paling moden di Asia	1
	H2b	Jepun semakin agresif apabila golongan tentera menguasai politik	1
	H2c	Untuk menyelesaikan masalah ekonomi Jepun mendapatkan bahan mentah / kawasan pasaran baru	1
	H2d	Pelantikan Jeneral Hideki Tojo mengheret Jepun ke kancah peperangan	1
	F3	Orde Baharu Asia	1
	H3a	Matlamat mengembangkan kuasa	1
	H3b	Mewujudkan kebebasan ekonomi	1
	H3c	Menentang imperialisme Barat	1
	H3d	Jepun mewujudkan orde baharu di Asia Timur	1
	H3e	Merangkumi Jepun/ Korea/ China/ Manchuria dalam satu blok ekonomi	1
	F4	Sekatan ekonomi terhadap Jepun	1
	H4a	Tindakan menghentikan perdagangan/ membekukan semua harta milik Jepun di wilayah yang dikuasai Britain/ Amerika Syarikat/Belanda	1
	H4b	Menghalang Jepun memperoleh bahan mentah yang diperlukan oleh industri/ operasi perang	1
	F5	Rancangan Penaklukan wilayah di Selatan	1
	H5a	Merancang menguasai Asia Tenggara yang kaya dengan bahan mentah	1
	C5a	seperti bijih timah/ getah/ bauksit/ petroleum	1
	H5b	Membuat pakatan ketenteraan dengan Kuasa Paksi /Jerman / Itali dikenali sebagai Pakatan Tiga Negara	1

	H5c	Jerman menghantar pakarnya ke Jepun membantu perkembangan industri pembuatan kapal terbang Jepun	1
	H5d	Membantu mengkaji serangan terhadap wilayah selatan	1
		[Mana - mana 6x1m]	[6m]
(b)		Terangkan kronologi serangan tentera Jepun dalam Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik.	
	F1	Bermula apabila Jepun menyerang Tanah Melayu di Kelantan	1
	F2	Menyerang Pearl Harbour, Hawaii	1
	H2a	iaitu pangkalan tentera laut Amerika Syarikat di Pasifik	1
	H2b	bertujuan melumpuhkan armada laut Amerika Syarikat di Pasifik	1
	H2c	Menjadi penghalang kepada perluasan kuasa Jepun di Asia Pasifik	1
	F3	Serangan wilayah jajahan Amerika Syarikat/ Britain/ Belanda	1
	F4	10 Dis. 1941 Jepun mendarat di Pulau Guam	1
	F5	16 Dis. Jepun menguasai Miri	1
	F6	22 Dis. 1941 Pendaratan pertama Jepun di Filipina	1
	F7	23 Dis. 1941 Pulau Wake jatuh selepas serangan kedua Jepun	1
	F8	25 Dis. 1941 Hong Kong menyerah kalah	1
	F9	2 Jan 1942 Manila dikalahkan	1
	F10	2 Jan 1942 Jepun menakluk Burma	1
	F11	19 Jan 1942 Jepun menguasai Sandakan	1
	F12	15 Feb. 1942 Singapura dikalahkan	1
	F13	19. Feb. 1942 Jepun mengebom Darwin	1
	F14	27 Feb. 1942 Pertempuran di Laut Jawa / Jepun mengalahkan tentera Bersekutu	1
	F15	28 Feb. 1942 Jepun menyerang Jawa	1
	F16	Jepun berjaya membentuk empayar di Asia Pasifik menjelang April 1942	1
		[Mana - mana 6x1m]	[6m]
(c)		Konflik peperangan antara Rusia dan Ukraine telah menyebabkan penurunan jumlah eksport antara Malaysia dan kedua-dua negara tersebut. Sumber import terbesar Malaysia daripada Rusia ialah petroleum dan arang batu, manakala Malaysia mengimport gandum dan bijirin serta minyak bunga matahari daripada Ukraine. Industri pembuatan cip tempatan telah terkesan akibat konflik ini. Malaysia menyumbang sebanyak 13% kepada sektor pengujian dan pembungkusan cip dunia. Sektor ini terkesan kerana Rusia dan Ukraine merupakan pengeluar bagi neon dan palladium iaitu bahan utama pembuatan semikonduktor. Hal ini akan menyebabkan pengurangan eksport komponen tersebut ke pasaran dunia terutamanya benua Eropah Sumber: www.astroawani.com/berita-malaysia/dewan-rakyat	

	Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan kesan terhadap negara kita sekiranya masalah ini berlanjutan.	
	Aras 4 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/ contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam / terperinci Komunikasi / pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan Contoh: penurunan jumlah eksport penurunan jumlah import Industri pembuatan cip terjejas Masalah kekurangan bahan utama pembuatan semikonduktor Pertumbuhan ekonomi perlahan Pertumbuhan KDNK Malaysia menurun Krisis makanan akan berlaku Ukraine akan menghentikan eksport bijirin Bekalan gandum akan terputus Berlaku inflasi Menjejaskan ekonomi negara Aras 3 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/ contoh sangat sesuai Membuat inferens Jawapan mendalam Komunikasi / pengolahan menarik Contoh: penurunan jumlah eksport penurunan jumlah import Industri pembuatan cip terjejas Masalah kekurangan bahan utama pembuatan semikonduktor Pertumbuhan ekonomi perlahan Pertumbuhan KDNK Malaysia menurun	7-8 5-6

Soalan	Butiran		Markah
6	Pilihan raya Persekutuan Tanah Melayu bermula dari peringkat majlis perbandaran, diikuti peringkat negeri dan seterusnya Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.		
(a)	Apakah syarat untuk menjadi pengundi dan calon Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955?		
		Pengundi	
	F1	Warganegara Persekutuan Tanah Melayu	1
	F2	Berumur 21 tahun ke atas	1
	F3	Tinggal di Persekutuan Tanah Melayu dalam tempoh 6 bulan terdahulu dari tarikh 17 Okt. 1954/ 28 Okt. 1954 bagi negeri Terengganu	1
		Calon	
	F4	Warganegara Persekutuan Tanah Melayu	1
	F5	Berumur 21 tahun ke atas	1
	F6	Tinggal di Persekutuan Tanah Melayu dalam tempoh 12 bulan sebelum hari penamaan calon.	1
	F7	Berpengetahuan dalam bahasa Inggeris/ bahasa Melayu	1
		[Mana-mana 4 x 1m]	[4m]
(b)	Terangkan proses Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.		
	F1	Suruhanjaya Penentuan Sempadan Kawasan ditubuhkan	1
	H1a	membentuk 52 kawasan pilihan raya	1
	C1a	No 17 Kawasan Kuala Lumpur Barat dalam Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.	1
	F2	Rang undang-undang diluluskan bagi membolehkan pilihan raya diadakan.	1
	F3	Pendaftaran pengundi bermula pada 18 Oktober 1954	1
	H3a	Manakala untuk Terengganu bermula 29 Oktober 1954	1
	F4	Penamaan calon	1
	F5	Kempen pilihan raya selama 45 hari	1
	F6	Hari mengundi	1
	F7	Peti undi dibawa ke pusat pengiraan undi	1
	F8	Proses pengiraan undi	1
	F9	Pengumuman Keputusan.	1
		[Mana-mana 8 x 1m]	[8m]
(c)	Berdasarkan pengetahuan anda, mengapakah pilihan raya penting kepada negara kita ?		
	Aras 4 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/ contoh sangat sesuai		7-8

	Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam / terperinci Komunikasi / pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan <i>Contoh:</i> Membuktikan negara Malaysia mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen Membolehkan rakyat Malaysia menentukan bentuk kerajaan/pentadbiran Memberi peluang kepada rakyat memilih wakil rakyat Menjamin kestabilan politik dan pentadbiran yang mantap Mengukuhkan perpaduan/keamanan/keharmonian negara Menjamin perkembangan dan kemajuan ekonomi yang berterusan Menjamin hak rakyat mengikut Perlembagaan Persekutuan Mengekalkan atau menukar kerajaan yang sedia ada Kebajikan rakyat akan terus terpelihara dan dipertingkatkan Aras 3 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/ contoh sangat sesuai Membuat inferens Jawapan mendalam Komunikasi / pengolahan menarik <i>Contoh:</i> Membuktikan negara Malaysia mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen Membolehkan rakyat Malaysia menentukan bentuk kerajaan/pentadbiran Memberi peluang kepada rakyat memilih wakil rakyat Menjamin kestabilan politik dan pentadbiran yang mantap Mengukuhkan perpaduan/keamanan/keharmonian negara Menjamin perkembangan dan kemajuan ekonomi yang berterusan Menunjukkan setiap warganegara penting kepada pembangunan negara Aras 2 Pengetahuan dan pemahaman jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah secara ringkas <i>Contoh:</i>	5-6 3-4
--	--	-----------------------

	Menjamin hak rakyat mengikut Perlembagaan Persekutuan Mengekalkan atau menukar kerajaan yang sedia ada Kebajikan rakyat akan terus terpelihara dan dipertingkatkan Menjamin perkembangan dan kemajuan ekonomi yang berterusan Aras 1 Pengetahuan dan pemahaman terhad Jawapan secara umum Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah secara ringkas <i>Contoh:</i> Mengekalkan atau menukar kerajaan yang sedia ada Kebajikan rakyat akan terus terpelihara dan dipertingkatkan	1-2
--	--	------------

Soalan	Butiran	Markah
7	Perlembagaan persekutuan mempunyai keunikan kerana mengandungi ciri tradisional dan moden.	
(a)	Jelaskan ciri tradisional perlembagaan Persekutuan Malaysia.	
	F1 Kesultanan dan Pemerintahan Beraja	1
	H1a Negeri Melayu diperintah berdasarkan pemerintahan beraja	1
	H1b Sultan merupakan pemerintah berdaulat	1
	H1c Sultan memiliki kuasa penuh di negeri masing-masing	1
	H1d Setelah merdeka pemerintahan beraja disesuaikan dengan konsep Demokrasi Berparlimen	1
	H1e Yang di-Pertuan Agong (YDPA) sebagai pemerintah tertinggi negara	1
	H1f Kuasa YDPA termasuklah kuasa mengampun/menangguhkan hukuman	1
	H1g YDPA mempunyai kuasa membuat perlantikan jawatan utama negara	1
	H1h Raja merupakan ketua negeri	1
	H1i Raja mempunyai kuasa eksekutif atas nasihat Majlis Mesyuarat Negeri	1
	H1j Raja mempunyai kuasa mengampun/menangguhkan hukuman	1
	H1k Melantik jawatan utama negeri	1
	H1l Tonggak kehormatan/ keadilan	1
	H1m Mengurniakan anugerah/ penghormatan/ bintang kehormat	1

	F2	Agama Islam	1
	H2a	Pada zaman British agama Islam di bawah kuasa raja	1
	H2b	Selepas merdeka agama Islam di bawah kuasa raja di negeri masing-masing.	1
	H2c	Bagi wilayah Persekutuan dan negeri tidak beraja, agama Islam terletak di bawah kuasa YDPA	1
	F3	Bahasa Melayu	1
	H3a	Digunakan dalam pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka	1
	H3b	Menjadi lingua franca/ komunikasi/ pengantaraan	1
	H3c	Berperanan sebagai bahasa ilmu	1
	H3d	Menjadi bahasa kebangsaan/ bahasa rasmi negara	1
	F4	Kedudukan orang Melayu/ Bumiputera	1
	H4a	Sebelum merdeka di bawah kuasa raja/ketua pribumi	1
	H4b	Selepas merdeka dibawah kuasa YDPA	1
		[Mana-mana 6x1m]	[6m]
(b)		Perlembagaan persekutuan dipinda beberapa kali selepas negara mencapai kemerdekaan. Mengapakah pindaan tersebut dilakukan?	
	F1	Pindaan Perlembagaan 1963	1
	H1a	Selepas Pembentukan Malaysia / Penggabungan Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah	1
	F2	Struktur Mahkamah Atasan	1
	H2a	Mengikut model Mahkamah Tertinggi England	1
	H2b	Membahagikan mahkamah kepada Mahkamah Atasan dan Mahkamah Rayuan	1
	H2c	Mewujudkan Mahkamah Persekutuan	1
	H2d	Dibentuk Mahkamah Persekutuan di Tanah Melayu, Singapura, Sarawak dan Sabah	1
	F3	Pembentukan Mahkamah Tinggi Borneo	1
	H3a	Perlembagaan mengekalkan kedudukan Mahkamah Tinggi Malaya dan mewujudkan Mahkamah Tinggi Borneo yang menguruskan soal kehakiman di Sarawak dan Sabah	1
	H3b	1963, Jawatan Ketua Hakim Borneo diwujudkan dan berpusat di Kuching	1
	H3c	1994, Jawatan diubah kepada Ketua Hakim Sarawak dan Sabah	1
	F4	Jawatan Yang di-Pertua Negeri	1
	H4a	Sarawak dan Sabah diketuai Yang di-Pertua Negeri yang dilantik oleh YDPA	1
	H4b	Yang di-Pertua Negeri bertindak mengikut nasihat Majlis Tertinggi bagi Sarawak/ Kabinet Negeri bagi Sabah	1
	F5	Pindaan Perlembagaan 1965	1

	H5a	Tunku Abdul Rahman membawa usul pindaan perlembagaan yang dinamakan pindaan Singapura di Parlimen pada 7 Ogos 1965	1
	H5b	Parlimen meluluskan Singapura keluar daripada Malaysia	1
	H5c	Semua perkara berkaitan dengan Singapura dimansuhkan dalam perlembagaan Malaysia	1
	H5d	Dari segi imigresan / kewangan / hubungan luar negara / pertahanan	1
		[Mana-mana 6x1m]	[6m]
c)	Baca maklumat dalam petikan berikut. Perlembagaan bertanggungjawab untuk memastikan kestabilan sesebuah negara dengan menentukan rangka dan bentuk pentadbiran, agar pentadbiran negara berjalan licin. Hal ini tentu sekali dapat menjamin kecekapan, keadilan dan ketelusan pentadbiran. Melalui perlembagaan juga, jaminan taat setia rakyat terhadap ketua kerajaan dan ketua negara dapat dinyatakan secara bertulis dan difahami oleh semua. Dengan cara ini, akan meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat. Perlembagaan Malaysia juga dapat menjamin hak asasi dan kebebasan rakyat untuk berpersatuan, beragama dan memiliki harta. Sumber: https://www.scribd.com/document/kepentingan-perlembagaan Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan kesan terhadap negara jika tidak dilaksanakan.		
	Aras 4 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/ contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam / terperinci Komunikasi / pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan <i>Contoh:</i> kestabilan sesebuah negara pentadbiran negara berjalan licin dapat menjamin kecekapan, keadilan dan ketelusan pentadbiran jaminan taat setia rakyat terhadap ketua kerajaan dan ketua negara meningkatkan semangat patriotisme menjamin hak asasi pergolakan politik negara kes jenayah meningkat / rasuah pemimpin tidak amanah		7-8

	ketidakpercayaan rakyat terhadap pemimpin Aras 3 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/ contoh sangat sesuai Membuat inferens Jawapan mendalam Komunikasi / pengolahan menarik <i>Contoh:</i> kestabilan sesebuah negara pentadbiran negara berjalan licin dapat menjamin kecekapan, keadilan dan ketelusan pentadbiran jaminan taat setia rakyat terhadap ketua kerajaan dan ketua negara meningkatkan semangat patriotisme pergolakan politik negara kes jenayah meningkat / rasuah Aras 2 Pengetahuan dan pemahaman jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah secara ringkas <i>Contoh:</i> kestabilan sesebuah negara pentadbiran negara berjalan licin dapat menjamin kecekapan, keadilan dan ketelusan pentadbiran jaminan taat setia rakyat terhadap ketua kerajaan dan ketua negara meningkatkan semangat patriotisme Aras 1 Pengetahuan dan pemahaman terhad Jawapan secara umum Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah secara ringkas <i>Contoh:</i> kestabilan sesebuah negara pentadbiran negara berjalan licin dapat menjamin kecekapan, keadilan dan ketelusan pentadbiran	5-6 3-4 1-2
--	---	----------------------------------

Soalan	Butiran		Markah
8	Dasar Pembangunan Nasional (DPN) merupakan usaha untuk memajukan Malaysia berdasarkan Wawasan 2020.		
(a)	Jelaskan strategi DPN.		
	F1	Ekonomi	1
	H1a	Melibatkan pihak swasta dalam pembangunan ekonomi negara	1
	H1b	Melaksanakan program penanaman semula	1
	H1c	Meningkatkan penggunaan sains dan teknologi	1
	H1d	Teknologi moden untuk meningkatkan kualiti/hasil pertanian	1
	H1e	Meningkatkan pemilikan saham bumiputera	1
	F2	Sosial	1
	H2a	Memberikan insentif/ kemudahan pendidikan	1
	H2b	Kepada masyarakat miskin berbilang kaum	1
	H2c	Mengubah pembelajaran tradisional kepada pembelajaran digital/ e-pembelajaran	1
	H2d	Mewujudkan masyarakat perdagangan /perindustrian bumiputera	1
	H2e	Membentuk masyarakat berdisiplin/ progresif	1
	F3	Kemudahan Fizikal dan Alam Sekitar	1
	H3a	Menyediakan/menambah baik kemudahan asas	1
	H3b	Menjalankan pembangunan mapan tanpa pengabaian alam sekitar	1
	H3c	Menggunakan teknologi hijau	1
		[Mana-mana 4 x 1m]	[4m]
(b)	Terangkan langkah kerajaan dalam pelaksanaan DPN.		
	F1	Pembasmian kemiskinan	1
	H1a	Usaha menghapuskan kemiskinan dalam kalangan pelbagai kaum khasnya golongan bumiputera	1
	H1b	Memberi subsidi/ sokongan kepada penanam padi/ nelayan	1
	H1c	Memberi tumpuan kepada peningkatan produktiviti	1
	H1d	Memberi latihan kepada golongan belia	1
	C1a	Pusat Latihan Kemahiran Giatmara/Institut Latihan Perindustrian (ILP)	1
	H1e	Membolehkan mereka mendapatkan kerja yang berkaitan dengan kemahiran/ berpendapatan tinggi	1
	F2	Menyusun semula masyarakat	1
	H2a	Membentuk Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB)	1
	H2b	Meningkatkan tenaga kerja bumiputera dalam sektor moden	1
	C2a	Pembuatan dan perkhidmatan	1
	H2c	Memberi latihan tentang pengurusan harta/ etika perniagaan	1

	H2d	Memberi kontrak/ kuota/ lesen kepada peniaga bumiputera	1
	H2e	Melaksanakan usaha sama dengan syarikat bukan bumiputera	1
	H2f	Menggalakkan penyertaan bumiputera dalam IKS	1
	H2g	Meningkatkan prospek perniagaan syarikat bumiputera	1
	H2h	Mendedahkan teknologi baharu/ kemudahan modal/ maklumat pasaran kepada syarikat bumiputera/ hubungan perniagaan dalam pasaran antarabangsa	1
	H2i	Memastikan corak tenaga kerja di pelbagai sektor mencerminkan komposisi pelbagai kaum	1
	F3	Menyusun semula modal saham	1
	H3a	Bagi mencapai sekurang-kurangnya 30% dalam pemilikan/ penguasaan/ pengurusan sektor moden	1
	H3b	Menjalankan program penswastaan	1
	H3c	Memperuntukkan saham untuk projek yang diswastakan kepada bumiputera	1
	H3d	Penswastaan syarikat agensi amanah untuk bumiputera	1
	C3a	Seperti MARA/PERNAS/PKEN	1
	H3e	Kaum bukan bumiputera diberi peluang untuk menyertai projek penswastaan	1
	F4	Pembangunan wilayah	1
	H4a	Meningkatkan integrasi ekonomi yang saling melengkapi antara negeri	1
	H4b	Memperbaiki ketidakseimbangan pembanguna wilayah	1
	H4c	Meningkatkan peranan MARDI dalam penyelidikan pertanian	1
	H4d	Menjayakan konsep pertanian pintar	1
	H4e	Mendorong sektor swasta menempatkan kilang tambahan di negeri kurang maju	1
	H4f	Menjadi pusat pertumbuhan baharu ekonomi/ menyumbang kepada pembangunan wilayah	1
	C4a	Penggunaan teknologi dron bagi melancarkan kerja menyembur racun/ baja cecair	1
		[Mana-mana 8x1m]	[8m]
(c)	Apakah kejayaan pelaksanaan DPN yang boleh kita banggakan pada hari ini?		
	Aras 4 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/ contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam / terperinci Komunikasi / pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan <i>Contoh:</i> Mengurangkan kadar kemiskinan		7-8

	Mempelbagaikan kegiatan ekonomi Menambah peluang pekerjaan/mengurangkan pengangguran Meningkatkan pendapatan isi rumah Menambah baik kemudahan awam/perkhidmatan Seperti hospital/klinik/pusat kesihatan/pejabat pos/pusat perniagaan Meningkatkan kualiti hidup Meningkatkan tahap kesihatan rakyat Memajukan pendidikan orang Melayu dan bumiputera Muncul graduan bidang sains/teknologi/teknikal Muncul golongan profesional Melayu dan bumiputera Dalam bidang perbankan/pemodal saham/pemilik syarikat/usahawan Munculnya bandar baharu Seperti Bandar Tun Abdul Razak Aras 3 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/ contoh sangat sesuai Membuat inferens Jawapan mendalam Komunikasi / pengolahan menarik <i>Contoh:</i> Mengurangkan kadar kemiskinan Mempelbagaikan kegiatan ekonomi Menambah peluang pekerjaan/mengurangkan pengangguran Meningkatkan pendapatan isi rumah Menambah baik kemudahan awam/perkhidmatan Seperti hospital/klinik/pusat kesihatan/pejabat pos/pusat perniagaan Meningkatkan kualiti hidup Meningkatkan tahap kesihatan rakyat Memajukan pendidikan orang Melayu dan bumiputera Aras 2 Pengetahuan dan pemahaman jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah secara ringkas <i>Contoh:</i> Mengurangkan kadar kemiskinan Mempelbagaikan kegiatan ekonomi Menambah peluang pekerjaan/mengurangkan pengangguran Meningkatkan pendapatan isi rumah	5-6 3-4
--	--	-----------------------

	Menambah baik kemudahan awam/perkhidmatan Seperti hospital/klinik/pusat kesihatan/pejabat pos/pusat perniagaan Aras 1 Pengetahuan dan pemahaman terhadap Jawapan secara umum Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah secara ringkas <i>Contoh:</i> Mengurangkan kadar kemiskinan Mempelbagaikan kegiatan ekonomi Menambah peluang pekerjaan/mengurangkan pengangguran	1-2
--	---	-------------------

Soalan	Butiran		Markah
9	Huraikan peranan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang terlibat dengan misi kemanusiaan berkaitan isu berikut:		
(a)	(i) Isu Palestin		
	F1	Aman Palestin	1
	H1a	Didaftarkan secara rasmi pada tahun 2006 dan menjadi organisasi yang giat membantu rakyat Palestin secara kolektif/ sistematik/ berterusa/ berkesan	1
	H1b	Menyalurkan bantuan kebajikan dan sumbangan orang ramai kepada rakyat Palestin	1
	F2	Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM)	1
	H2a	Gabungan beberapa buah NGO dan turut menjalankan kerja-kerja kesukarelawanan dalam usaha membantu rakyat Palestin yang tertindas.	1
	H2b	Antara aktivitinya termasuklah mengadakan Hari Solidariti Rakyat Palestin	1
	F3	Cinta Gaza Malaysia	1
	H3a	Diasaskan oleh Muhammad Nadir Al-Nuri Kamarulzaman dan menjalankan operasi sejak tahun 2013.	1
	H3b	Menjalankan aktiviti kutipan dan sumbangan kepada penduduk	1
	H3c	Gaza terutama kanak-kanak, ibu tunggal dan warga emas.	1
	H3d	Melancarkan Projek Ramadan 2020 dengan tema "Ramadan Bulan Berkongsi Kebahagiaan" merangkumi bantuan perubatan/ kebajikan belia/ teknologi hijau/ infrastruktur/ pendidikan/ pengajian al-Quran serta seni/ budaya	1
	F4	Muslim Care Malaysia	1
	H4a	Ditubuhkan pada tahun 2006 dan secara aktif menjalankan misi kemanusiaan termasuk di Palestin	1
		[Mana-mana 4x1m]	[4m]
	(ii) Isu Syria		
	F1	Organisasi Humanitarian Care Malaysia (MyCare)	1
	H1a	Gabungan enam buah NGO kemanusiaan.	1
	H1b	Melancarkan kempen i4Syria pada tahun 2011 bagi menyalurkan pelbagai bantuan kepada pelarian Syria	1
	H1c	Mengendalikan aspek pendidikan/ kesihatan/ kebajikan pelarian Syria yang berada di Malaysia	1
	F2	Cinta Syria Malaysia (CSM)	1
	H2a	Ditubuhkan pada tahun 2014	1
	H2b	Memberikan bantuan kemanusiaan kepada pelarian Syria yang berada di Turki/ Lubnan/ Malaysia	1
	H2c	Menubuhkan "Sekolah KITA"	1
	H2d	Program pendidikan percuma untuk anak-anak pelarian Syria	1

	F3	Global Peace Mission (GPM)	1
	H3a	Ditubuhkan pada tahun 2001	1
	H3b	Aktif menjalankan pelbagai aktiviti kesukarelawanan dan kemanusiaan di 30 buah negara	1
	H3c	Turut aktif memberikan bantuan kemanusiaan kepada pelarian Syria berupa makanan/ ubatan/ peralatan	1
		[Mana-mana 4x1m]	[4m]
(b)		Pembanjiran pelarian dan pendatang asing tanpa izin (PATI) ke negara kita menimbulkan isu ketenteraman dan keselamatan awam. Jelaskan langkah-langkah Malaysia mengatasi masalah tersebut?	
	F1	Malaysia turut membendung kemasukan PATI melalui pengukuhan mekanisme pengurusan warga asing.	
	F2	Malaysia terlibat dalam pelbagai program di bawah PBB terutama United Nations High Commissioner for Refugees - UNHCR (Suruhanjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Pelarian).	
	F3	Malaysia turut dilantik sebagai ahli suruhanjaya ini pada tahun 1993 hingga tahun 1995.	
	F4	Sebagai langkah proaktif juga sebuah badan berkaitan dengan hak asasi manusia ditubuhkan.	
	F5	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) ditubuhkan pada tahun 1999.	
		[Mana-mana 4x1m]	[4m]
(c)		 Huraikan mesej yang terkandung dalam poster tersebut.	
	Aras 4	Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/ contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam / terperinci Komunikasi / pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan	7-8

	<i>Contoh:</i> Menjaga keamanan dunia Hidup secara aman Mengelakkan peperangan Menangani isu global Menjaga hak asasi manusia Menyelesaikan konflik antara negara Mengekalkan kedaulatan negara Mengeratkan hubungan diplomatik Memupuk sikap perikemanusiaan Aras 3 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/ contoh sangat sesuai Membuat inferens Jawapan mendalam Komunikasi / pengolahan menarik <i>Contoh:</i> Menjaga keamanan dunia Hidup secara aman Mengelakkan peperangan Menangani isu global Menjaga hak asasi manusia Menyelesaikan konflik antara negara Mengekalkan kedaulatan negara Aras 2 Pengetahuan dan pemahaman jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah secara ringkas <i>Contoh:</i> Menjaga keamanan dunia Hidup secara aman Mengelakkan peperangan Menangani isu global Menjaga hak asasi manusia Aras 1	5-6 3-4 1-2
--	---	---

	Pengetahuan dan pemahaman terhadap Jawapan secara umum Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah secara ringkas <i>Contoh:</i> Menjaga keamanan dunia Hidup secara aman Mengelakkan peperangan	
--	---	--